

Faraid

Kewajipan Bukan Pilihan

> Afnan Faiz Ridzuan Ahmad

Agama Islam sentiasa merealisasikan kemaslahatan dan menolak sebarang keburukan. Kemaslahatan ini merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pengabaian terhadap perkara ini akan menyebabkan kehidupan manusia mengalami kepincangan dan boleh membawa kemusnahan dan kesulitan hidup. Sehubungan dengan itu, Islam sangat menitikberatkan penjagaan harta. Harta hendaklah dibelanjakan dan diuruskan secara bijaksana. Perbuatan mengambil harta orang lain tanpa keizinan secara tersembunyi atau merampas secara kekerasan merupakan perbuatan jenayah kerana Islam mengiktiraf pemilikan harta oleh seseorang individu.

Pemeliharaan harta tidak terhad semasa hidup sahaja, bahkan setelah meninggal dunia pun harta masih wajib diuruskan dengan baik. Oleh itu, Islam telah menggariskan panduan yang lengkap untuk mengurus harta si mati agar semua waris mendapat manfaat daripada harta tersebut. Hukum-hakam berkaitan dengan pembahagian harta pusaka terdapat dalam al-Quran menerusi *Surah al-Nisa'* ayat 7, 11, 12 dan 176.



Penetapan bahagian untuk semua waris si mati telah diterangkan secara terperinci dalam ayat-ayat tersebut malah pembahagian ini termasuk dalam ilmu khas yang dikenali sebagai ilmu faraid.

Menuntut ilmu faraid merupakan fardu kifayah dan ilmu ini sangat penting untuk dipelajari berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang mengatakan bahawa ilmu faraid sebagai separuh ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia terbahagi kepada dua keadaan, iaitu keadaan semasa hidup dan keadaan selepas mati. Ilmu berkaitan dengan ibadat seperti solat, puasa dan zakat merupakan ilmu yang

perlu dipelajari semasa hidup, manakala ilmu faraid berkaitan dengan pengurusan harta selepas mati.

Sayidina Zaid bin Thabit merupakan antara sahabat yang menguasai ilmu faraid dengan baik. Ilmu ini merupakan antara ilmu yang mula hilang dari muka bumi dan kurang dikuasai oleh umat Islam. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Pelajarilah ilmu faraid dan ajarkanlah ilmu tersebut kepada orang lain. Sesungguhnya aku akan mati. Sesungguhnya ilmu ini juga akan diangkat dan akan berlaku kacau-bilau. Sehingga apabila dua orang bertelingkah kerana harta pusaka, mereka tidak dapat menemukan sesiapa yang boleh menyelesaikan kes mereka." (Hadis riwayat al-Hakim).

Akibat kurang pendedahan tentang ilmu faraid, terdapat dalam kalangan umat Islam yang beranggapan bahawa pembahagian harta pusaka secara faraid hanyalah pilihan dan bukan kewajipan. Oleh sebab itu, mereka bebas memilih sama ada ingin menggunakan faraid dalam pembahagian harta pusaka atau memilih untuk membuat pembahagian secara saksama atau sama rata.

Akibat kurang pendedahan tentang ilmu faraid, terdapat dalam kalangan umat Islam yang beranggapan bahawa pembahagian harta pusaka secara faraid hanyalah pilihan dan bukan kewajipan. Oleh sebab itu, mereka bebas memilih sama ada ingin menggunakan faraid dalam pembahagian harta pusaka atau memilih untuk membuat pembahagian secara saksama atau sama rata. Perkara ini bertitik tolak daripada kurang keyakinan terhadap sistem faraid akibat kurang pendedahan dan pengetahuan berkaitan dengan ilmu ini. Sesetengah isteri merasakan bahagian mereka sangat sedikit, iaitu satu perempat jika si mati tidak mempunyai anak dan hanya mendapat satu persepuluh jika si mati mempunyai anak. Oleh itu, mereka tidak mahu mengagihkan harta pusaka secara faraid, tetapi memilih pembahagian secara sama rata. Menurut mereka, pembahagian secara faraid hanya akan digunakan apabila tiada kata sepakat dicapai daripada perbincangan ahli waris. Hal ini menunjukkan bahawa pembahagian secara faraid merupakan sekadar pilihan terakhir, dan bukan kewajipan yang perlu dipatuhi oleh setiap Muslim.

Selain itu, terdapat ibu atau bapa yang memberikan wasiat khas kepada anak-anak agar pengagihan harta pusaka dibuat secara saksama dan tidak perlu berdasarkan faraid setelah kematian mereka. Perkara ini menimbulkan kekeliruan kepada ahli waris yang terdiri daripada anak-anak lelaki dan perempuan sama ada perlu mengetepikan faraid kerana perlu melaksanakan wasiat mereka. Kerisauan ini sebenarnya tidak berasas kerana Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana dalam setiap sesuatu perkara. Dalam *Surah al-Nisa'* ayat 12, setelah menerangkan pembahagian harta pusaka untuk kes *al-kalalah*, iaitu seseorang yang mati dan tidak mempunyai anak atau bapa, Allah SWT memberikan penegasan dengan firman-Nya yang bermaksud, "... dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Lemah Lembang." Pemilihan sifat Allah SWT (Yang Maha Mengetahui) adalah sebagai jawapan awal terhadap ketidakpercayaan sebilangan daripada manusia terhadap hukum faraid. Mereka perlu yakin bahawa hukum faraid datang daripada Allah SWT yang Maha Bijaksana dalam segenap aspek sama ada kecil ataupun besar.

Sebenarnya, hukum pembahagian harta pusaka secara faraid ialah *fardu ain*. Perkataan faraid sendiri ialah kata jamak bagi perkataan *faridah* yang bermaksud sesuatu yang diwajibkan atau sesuatu yang ditentukan. Kewajipan ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Bagi orang lelaki ada bahagian pusaka daripada harta peninggalan ibu bapa dan kaum kerabat, dan bagi orang perempuan ada bahagian pusaka daripada harta peninggalan ibu bapa dan kaum kerabat sama ada sedikit ataupun banyak daripada harta yang ditinggalkan itu, iaitu bahagian yang telah diwajibkan oleh Allah." (*Surah al-Nisa'* 4:7). Ayat ini jelas menunjukkan bahawa hukum faraid wajib dituruti oleh semua umat Islam tanpa sebarang pilihan.

Berdasarkan ayat ini, menurut Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji, hukum faraid telah disyariatkan oleh Allah SWT melalui al-Quran. Sesiapa yang mengingkari pensyariatkan hukum faraid boleh menyebabkan mereka terjerumus ke kancuh kekufuran. Selain itu, banyak hadis yang menunjukkan perkara yang sama seperti hadis yang bermaksud, "Serahkanlah bahagian pusaka yang ditetapkan itu kepada para pemiliknya. Apa-apa juga yang masih berbaki, maka serahkanlah kepada waris lelaki yang terdekat." (Hadis riwayat al-Bukhari). Perkataan yang digunakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud "serahkanlah" adalah dalam bentuk perintah dan suruhan yang menunjukkan perkara tersebut wajib, iaitu pelakunya akan mendapat

pahala apabila melakukannya dan menanggung dosa apabila meninggalkannya.

Sehubungan dengan itu, semua harta milik si mati perlu diagihkan kepada ahli waris mengikut hukum faraid. Harta si mati merujuk semua harta yang bernilai yang pernah dimiliki oleh si mati semasa hidup sama ada nilainya besar mahupun kecil. Harta yang perlu diagihkan mengikut hukum faraid bukan sekadar tanah, rumah, kenderaan dan duit simpanan milik si mati. Akan tetapi, semua harta milik si mati walaupun bernilai kecil seperti pen, pakaian, kasut dan jam juga perlu diagihkan kepada semua ahli waris yang layak berdasarkan hukum faraid yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Khairat kematian dan sumbangan orang ramai semasa hari kematian pula bukan merupakan harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid kerana harta tersebut bukan menjadi milik si mati semasa hidup. Begitu juga dengan pencen terbitan dan bayaran-bayaran di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO), malah ahli waris tidak boleh menuntut harta yang bukan lagi menjadi milik si mati seperti harta yang telah dijual, diwakafkan dan dihibahkan. Contohnya, tanah yang pada asalnya milik si mati tetapi telah diwakafkan untuk pembinaan sekolah, maka tanah tersebut bukan lagi termasuk dalam kategori harta pusaka.

Oleh itu, perkara pertama yang perlu dilakukan oleh semua ahli waris adalah dengan menyenaraikan harta pusaka peninggalan si mati.

Harta ini perlu digunakan untuk pengurusan jenazah si mati yang wajib sahaja, iaitu melibatkan upah memandikan jenazah, kos pembeljan kain kapan dan kos pengangkutan untuk membawa jenazah ke tanah perkuburan. Begitu juga harta si mati boleh digunakan untuk kos menggali tanah kubur. Namun begitu, harta peninggalan si mati tidak boleh digunakan untuk urusan yang tidak wajib berkaitan dengan pengurusan jenazah seperti membeli batu nisan dan membuat kenduri tahlil. Jika ingin menggunakan harta peninggalan si mati untuk tujuan tersebut, maka persetujuan semua ahli waris perlu dilakukan terlebih dahulu.

Sebelum diagihkan kepada semua ahli waris, harta peninggalan si mati perlu digunakan untuk melangsaikan semua hutang si mati sama ada hutang dengan Allah SWT mahupun hutang sesama manusia. Hutang dengan Allah SWT adalah seperti membayar fidyah puasa jika si mati meninggalkan puasa semasa hayatnya dahulu. Harta peninggalan si mati juga perlu digunakan untuk membuat badal haji, membayar nazar dan menunaikan zakat harta jika belum dilunaskan semasa hidup setelah cukup haul dan nisab. Begitu juga hutang dengan manusia yang belum dilunaskan, perlu dibayar dengan menggunakan harta peninggalan si mati.

Harta pusaka juga tidak boleh diagihkan lagi kepada ahli waris melainkan setelah diselesaikan terlebih dahulu wasiat kepada bukan ahli waris dengan kadar satu pertiga

sahaja berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud, "... (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayar hutangnya." (*Surah al-Nisa'* 4:11). Jika si mati membuat wasiat kepada ahli waris, maka wasiat hanya boleh ditunaikan apabila mendapat persetujuan semua ahli waris yang lain. Kemudian, jika terdapat tuntutan harta sepencarian, maka perlu diurus terlebih dahulu sebelum baki harta peninggalan si mati diagihkan mengikut hukum faraid.

Walau bagaimanapun, seseorang boleh membahagikan harta pusaka secara sama rata, tetapi tetap perlu berdasarkan hukum faraid, iaitu tertakluk pada konsep *takharuj*. Hal ini bermakna semua ahli waris perlu mengetahui kadar bahagian masing-masing terlebih dahulu. Setelah itu, barulah mereka boleh berbincang tentang kaedah pembahagian antara mereka secara harmoni dengan mengetepikan perasaan tamak haloba. Mana-mana ahli waris boleh menarik diri daripada menerima hak faraid dengan cara melepaskan sepenuhnya hak atau muafakat. Mereka juga boleh berbincang untuk membuat pengagihan secara sama rata, tebus, menjual hak atau bahagian mereka, atau menukar ganti.

Takharuj hanya sah apabila dua syarat ini dipenuhi, iaitu semua waris wajib mengetahui hak dan kadar faraid masing-masing, dan waris yang melepaskan hak mestilah sudah baligh dan berakal. Maka itu, pembahagian secara

muafakat atau sama rata tidak dibenarkan jika yang membuat keputusan hanya melibatkan ahli waris yang dewasa sahaja, sedangkan pada masa yang sama terdapat ahli waris yang masih belum baligh. Begitu juga seseorang akan terlibat dengan pengambilan harta secara haram apabila membuat pembahagian harta pusaka

secara muafakat, sedangkan terdapat ahli waris yang tidak siuman seperti orang kurang upaya (OKU) bermasalah mental. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 188 yang bermaksud, "... dan janganlah kamu memakan harta antara kamu secara batil."

Oleh itu, salah faham berkaitan dengan pembahagian

harta pusaka secara faraid perlu diuruskan dengan baik demi mencapai keredaan Allah SWT yang akan menentukan kebahagiaan dan ketenangan di dunia mahupun di akhirat kelak. Kebahagiaan dunia dan akhirat hanya akan tercapai apabila kita sebagai umat Islam tunduk sepenuhnya kepada hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Soalan lazim berkaitan dengan faraid

1 Adakah cucu lelaki mahupun perempuan tidak akan mendapat bahagian daripada harta peninggalan si mati jika bapa mereka sudah meninggal dunia terlebih dahulu?



Cucu daripada anak lelaki sama ada lelaki ataupun perempuan ialah ahli waris.

Jika si mati mempunyai anak lelaki lain yang masih hidup, maka mereka akan terhalang dengan kewujudan anak lelaki tersebut, iaitu mereka tidak akan mendapat bahagian daripada harta peninggalan si mati. Namun begitu, jika si mati tidak mempunyai anak lelaki lain selain yang telah meninggal terlebih dahulu, maka cucu daripada anak lelaki tersebut akan mendapat hak daripada harta pusaka. Walau bagaimanapun, cucu daripada anak perempuan sama ada lelaki ataupun perempuan bukan merupakan ahli waris. Oleh itu, mereka tidak layak mendapat harta pusaka.

2 Adakah pembahagian secara muafakat perlu mendapat persetujuan semua waris?



Pembahagian harta pusaka hendaklah mengikut hukum faraid. Sehubungan

dengan itu, pembahagian secara muafakat dan sama rata hanya boleh dilakukan berdasarkan konsep *takharuj*. Apabila konsep *takharuj* dipatuhi, maka pembahagian secara muafakat boleh dilaksanakan walaupun terdapat ahli waris yang tidak bersetuju. Caranya, ahli waris yang tidak bersetuju dengan pembahagian sama rata hendaklah diberikan hak berdasarkan hukum faraid. Hanya ahli waris yang bersetuju dengan pembahagian secara sama rata yang akan mendapat bahagian secara sama rata.

3 Adakah tuntutan harta sepencarian secara terus akan menjadi milik pemohon?

Harta sepencarian merujuk harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri semasa dalam tempoh perkahwinan. Harta yang dimiliki oleh suami atau isteri sebelum akad nikah bukan merupakan harta sepencarian. Permohonan yang dibuat oleh suami atau isteri tidak secara terus milik pemohon, tetapi perlu

melalui proses permohonan dan perbicaraan di mahkamah tinggi syariah. Pihak pemohon perlu mengemukakan bukti yang menyokong permohonan tersebut. Contohnya, isteri boleh mengemukakan slip gaji yang menunjukkan komitmen bayaran rumah pada setiap bulan sebagai bukti dia mempunyai sumbangan terhadap pemilikan harta tersebut. Namun begitu, suami tidak boleh mengemukakan bukti pembayaran rumah untuk menyokong permohonan harta sepencarian kerana pembayaran rumah termasuk dalam nafkah wajib terhadap isteri yang perlu dilunaskan oleh suami.

4 Adakah hutang si mati wajib dilunaskan oleh waris?



Hutang si mati wajib dibayar dengan menggunakan duit peninggalan si mati.

Jika si mati tidak mempunyai harta, maka tidak menjadi kewajipan ahli waris untuk membayar hutang tersebut menggunakan duit mereka. Pembayaran hutang dengan duit waris hanya atas dasar ihsan. 01